

POLISI
**PERLINDUNGAN
DATA PERIBADI
(PDP)**



POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDP)

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**TARIKH KUAT KUASA
27 JUN 2024**





Perutusan **PENGERUSI MAIWP**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan petunjuk-Nya, Polisi Perlindungan Data Peribadi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ini berjaya diterbitkan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen MAIWP dalam memastikan bahawa semua data peribadi pelanggan dan warga kerja diurus secara telus, profesional, dan bertanggungjawab.

Polisi ini bukan sahaja bertindak sebagai panduan dalam pengendalian maklumat peribadi, tetapi juga sebagai satu langkah penting dalam menepati keperluan undang-undang yang ditetapkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi. Saya yakin bahawa dengan pelaksanaan polisi ini, MAIWP akan terus dipandang tinggi sebagai institusi yang menghormati hak privasi dan kepentingan semua pihak yang terlibat.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan polisi ini. Semoga usaha kita ini diberkati dan menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang lebih amanah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Syed Kamarulzaman bin Syed Kabeer

Pengerusi

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)



Perutusan PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, saya amat berbangga dengan penerbitan Polisi Perlindungan Data Peribadi ini. Polisi ini adalah manifestasi komitmen kami untuk melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepada MAIWP, selaras dengan nilai-nilai teras yang dipegang oleh organisasi ini.

Saya berharap agar polisi ini dijadikan panduan oleh semua warga kerja dalam mengendalikan data peribadi dengan teliti dan penuh tanggungjawab. Dengan berpegang teguh kepada panduan ini, kita bukan sahaja mematuhi undang-undang tetapi turut memastikan keyakinan masyarakat terhadap MAIWP terus utuh.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam penghasilan polisi ini. Semoga usaha kita ini mendapat keberkatan dan menjadi asas kukuh dalam membentuk budaya kerja yang amanah dan beretika.

Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Isi Kandungan

1. PERUTUSAN Pengerusi MAIWP	iv
2. PERUTUSAN Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP	vi
3. KANDUNGAN	viii
4. TAKRIFAN	1
5. DATA PERIBADI	4
6. PENGUMPULAN DATA PERIBADI ANDA MAIWP	5
7. TUJUAN PENGUMPULAN, PENGUNAAN, PENDEDAHAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI	8
8. PENDEDAHAN DATA PERIBADI	14
9. PERMINTAAN AKSES DAN /ATAU PEMBETULAN DATA PERIBADI	15
10. PERMINTAAN UNTUK PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN	16

11. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN DATA PERIBADI	17
12. PEMINDAHAN DATA PERIBADI DI LUAR MALAYSIA	17
13. PENGGUNAAN COOKIES, SUAR WEB ('WEB BEACONS'), DAN TEKNOLOGI LAIN	18
14. LAMAN PIHAK KETIGA	19
15. ADUAN AKTA PDPA	19
16. KEMAS KINI KE ATAS POLISI INI	20
17. UNDANG-UNDANG BERKUATKUASA ('GOVERNING LAW')	20
18. PEMATUHAN KEPADA AKTA DAN POLISI	20
19. PEMAKAIAN POLISI	21
20. LAMPIRAN	22

TAKRIFAN

ISTILAH	PENERANGAN
APDP	Akta Perlindungan Data Peribadi
CCTV	Kamera Litar Tertutup
<i>Cookies</i>	Fail teks kecil (biasanya terdiri dari huruf dan nombor) yang diletakkan di memori <i>browser</i> atau peranti ketika mengunjungi laman web atau melihat mesej.
Data Peribadi	Apa-apa maklumat yang berkaitan dengan transaksi komersial, yang sedang diproses, sama ada berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti dari maklumat berkenaan dan maklumat lain dalam milikan MAIWP sebagai pengguna data.
HTML	File teks yang mengandungi arahan/ <i>script</i> kepada web browser untuk menampilkan suatu tampilan grafik dari sebuah laman web atau lebih mudah ditakrifkan sebagai bahasa tanda yang digunakan untuk membuat laman web.
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
PDP	Perlindungan Data Peribadi
Pemprosesan Data Peribadi	Mengumpul, merekod atau meyimpan Data Peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap Data Peribadi itu termasuk: - Penyusunan, penyesuaian atau pengubahan Data Peribadi; - Mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan Data Peribadi; - Penzahiran Data Peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia;

ISTILAH	PENERANGAN
	d. Penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan Data Peribadi dengan/ tanpa penggunaan proses berautomatik, untuk menyimpan, menyusun, menyesuaikan, mengubah, mendapatkan kembali, menggunakan, menyampaikan, menghantar, mengedarkan, menggabungkan atau mendamaikan (<i>reconcile</i>) data. Ini termasuk pemusnahan, pemotongan, pembetulan atau pemadaman Data Peribadi.
Persetujuan	Penyataan persetujuan oleh seseorang individu yang diberikan secara sukarela, selagi mana persetujuan tersebut tidak ditarik semula melalui notis bertulis.
Platform	Laman web, aplikasi bagi fungsi, perkhidmatan atau ciri yang ditawarkan oleh pemilik polisi
Polisi	Polisi Perlindungan Data Peribadi
Suar Web ("Web Beacons")	Gambar grafik kecil (juga dikenali sebagai "tag piksel" atau "clear GIFs") mungkin disertakan di platform MAIWP. Suar web ("Web beacons") biasanya berfungsi bersama-sama dengan <i>cookies</i> untuk memprofil setiap pengguna yang unik dan tingkah laku pengguna.
Teknologi Serupa	Teknologi yang menyimpan informasi dalam penyemak imbas (<i>browser</i>) atau penggunaan peranti bagi perkongsian tempatan atau simpanan seperti <i>flash cookies</i> , HTML 5 dan lain-lain kaedah perisian aplikasi web.

POLISI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

PENGENALAN

Polisi Perlindungan Data Peribadi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (selepas ini dirujuk sebagai “polisi”) disediakan kerana MAIWP komited dan memandang serius tanggungjawab di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi [Akta 709].

MAIWP juga menyedari kepentingan Data Peribadi (seperti yang didefinisikan selepas ini) yang telah diamanahkan oleh pelanggan kepada MAIWP dan percaya bahawa ia adalah tanggungjawab MAIWP untuk mengurus, melindungi dan memproses Data Peribadi pelanggan selaras dengan APDP dan peraturan dan panduan yang terpakai yang dibuat di bawah APDP.

Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk membantu pelanggan dalam memahami bagaimana MAIWP serta syarikat milik MAIWP mengumpul, mengguna, mendedah dan/atau memproses Data Peribadi yang mungkin pelanggan berikan semasa menggunakan platform MAIWP atau berkaitan urusan pelanggan.

1. DATA PERIBADI

1.1 Dalam polisi ini, "**Data Peribadi**" bermaksud:

- a) semua data yang termasuk dalam definisi maklumat peribadi, Data Peribadi, maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi atau terma yang sama di bawah APDP dan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan, privasi dan keselamatan, pengumpulan, penggunaan atau pendedahan maklumat pengenalan diri yang sensitif atau yang lain (secara kolektif, "Undang-Undang Perlindungan Data");
- b) semua maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi termasuk nama, alamat kediaman atau perniagaan, e-mel, nombor telefon, gambar, nombor akaun, lesen memandu, pasport, atau nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan;
- c) nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, nombor kad pengenalan atau pasport, gambar, gambar video, tarikh lahir, rekod perubatan, rekod ahli keluarga, maklumat biometrik (termasuk cap jari dan gambar wajah) dan maklumat lain yang berkaitan dengan pelanggan yang pelanggan memberikan kepada MAIWP dalam bentuk apa pun yang mungkin pelanggan kirimkan kepada MAIWP, atau melalui bentuk interaksi lain dengan pelanggan; dan
- d) semua maklumat lain yang berkaitan dengan maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi itu.

1.2 Contoh Data Peribadi yang mungkin pelanggan berikan kepada MAIWP termasuk (bergantung kepada sifat interaksi pelanggan dengan MAIWP):

- a) maklumat mengenai penggunaan platform MAIWP oleh pelanggan, termasuk *cookies*, maklumat mengenai nama domain pelanggan, alamat IP, butiran akaun langganan dan perincian keahlian; dan
- b) maklumat berkaitan pembayaran pelanggan seperti maklumat

akaun bank atau kad kredit dan sejarah kredit pelanggan.

- 1.3 Memberikan/menyerahkan Data Peribadi, maklumat dan dokumen kepada MAIWP dan/atau mengunjungi laman web MAIWP atau dengan berinteraksi dengan MAIWP atau mendaftar dengan MAIWP atau terus menggunakan perkhidmatan MAIWP adalah dianggap pelanggan telah membaca dan menerima terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi ini. Pelanggan telah memberikan persetujuan dan kebenaran kepada MAIWP untuk mengumpulkan, menggunakan, mengakses, memindahkan, menyimpan, mendedahkan dan memproses Data Peribadi tersebut.
- 1.4 Sekiranya pelanggan memberikan Data Peribadi pihak ketiga kepada MAIWP, pelanggan menjamin, menyatakan dan memberi representasi kepada MAIWP bahawa pelanggan telah memperolehi persetujuan pihak ketiga yang diperlukan untuk memproses Data Peribadi yang berkenaan oleh MAIWP dengan melengkapkan borang seperti di **LAMPIRAN 1 – Borang Perlindungan Data Peribadi untuk Pelanggan**.
- 1.5 MAIWP merizabkan hak untuk mengubah, mengemas kini dan/atau meminda polisi ini dari semasa ke semasa dan pengubahsuaian, kemas kini dan/atau pindaan tersebut akan diterbitkan di platform ini. Penggunaan perkhidmatan MAIWP yang berterusan akan menpelangankan bahawa pelanggan bersetuju dan menerima pengubahsuaian, kemas kini dan pindaan tersebut.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI PELANGGAN

- 2.1 Secara amnya, MAIWP mengumpulkan Data Peribadi pelanggan bergantung kepada sifat interaksi pelanggan dengan MAIWP iaitu:
 - a) apabila pelanggan mendaftarkan maklumat pelanggan dengan MAIWP dan wakil/ejen MAIWP;
 - b) apabila pelanggan membuat perjanjian atau memberikan dokumentasi atau maklumat lain berkenaan interaksi pelanggan

dengan MAIWP dan wakil/ejen MAIWP;

- c) semasa pelanggan mengemukakan Data Peribadi pelanggan kepada MAIWP ketika pelanggan memasuki hartanah dan/atau premis MAIWP dan/atau ketika gambar pelanggan diambil oleh MAIWP melalui kamera CCTV atau drone semasa pelanggan berada di dalam hartanah dan/atau premis MAIWP, atau melalui gambar atau video yang diambil oleh MAIWP atau wakil MAIWP semasa pelanggan menghadiri acara MAIWP;
- d) apabila pelanggan melengkapkan pesanan, permintaan atau aplikasi penjualan MAIWP untuk produk dan perkhidmatan MAIWP dalam apa jua bentuk transaksi dan/atau komunikasi;
- e) apabila pelanggan berinteraksi dengan kakitangan MAIWP berkaitan dengan produk dan perkhidmatan MAIWP, termasuk pegawai perkhidmatan pelanggan dalam apa jua bentuk transaksi dan/atau komunikasi;
- f) semasa pelanggan melakukan urusan niaga tertentu seperti urusan pembayaran;
- g) semasa pelanggan berinteraksi dengan MAIWP semasa promosi, pertandingan, peraduan, acara khas, bengkel atau menjawab sebarang permintaan untuk Data Peribadi tambahan;
- h) apabila MAIWP menerima Data Peribadi pelanggan dari rakan niaga, agensi awam, bekas majikan pelanggan, perantara rujukan (*referral intermediaries*), dan mana-mana pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkenaan, sebagai contoh di mana pelanggan telah dirujuk oleh rakan niaga atau di mana MAIWP telah meminta maklumat mengenai pelanggan berkaitan dengan hubungan pelanggan dengan MAIWP, termasuk untuk produk dan perkhidmatan MAIWP atau permohonan pekerjaan; dan/atau
- i) semasa pelanggan mengemukakan Data Peribadi mereka kepada MAIWP untuk apa-apa tujuan yang diperlukan atau dibenarkan

oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan atas alasan yang lain.

- 2.2 Tanpa menjejaskan **Klausula 2.1**, MAIWP akan mengumpul maklumat melalui peranti digital yang pelanggan gunakan untuk mengakses platform MAIWP.
- 2.3 Semasa pelanggan melayari platform MAIWP tanpa menyatakan nama, pelanggan boleh merujuk **Klausula 9** untuk maklumat mengenai *cookies*, *web beacons* dan teknologi lain yang telah MAIWP laksanakan di platform MAIWP. MAIWP tidak mengumpul Data Peribadi secara automatik di platform melainkan pelanggan memberikan maklumat tersebut kepada MAIWP.
- 2.4 Sekiranya pelanggan memberikan Data Peribadi pihak ketiga kepada MAIWP (seperti maklumat rujukan dari pelanggan yang ada), pelanggan hendaklah menyatakan kepada MAIWP bahawa persetujuan telah diperolehi daripada pihak ketiga dengan tujuan masing-masing.
- 2.5 Sekiranya persetujuan tidak diperolehi, MAIWP mungkin mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi apabila pengumpulan, penggunaan dan pendedahan itu diperlukan seperti senario berikut:
 - a) untuk bertindak balas terhadap keadaan darurat dan/atau krisis yang mengancam nyawa, kesihatan dan keselamatan pelanggan atau individu lain;
 - b) perlu untuk kepentingan negara, untuk sebarang penyiasatan atau prosiding;
 - c) kerana alasan undang-undang, proses undang-undang, litigasi, dan/atau permintaan dari pihak berkuasa awam dan kerajaan;
 - d) sekiranya kita menentukan bahawa untuk tujuan keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, atau kepentingan masalah ummah; dan

- e) perlu untuk tujuan yang ditetapkan sebagai pengecualian di bawah APDP atau undang-undang bertulis lain.

2.6 MAIWP akan menyimpan Data Peribadi pelanggan dengan mematuhi polisi ini dan/atau terma dan syarat-syarat perjanjian pelanggan dengan MAIWP atau syarikat MAIWP sepanjang tempoh perhubungan pelanggan dengan MAIWP sebagaimana perlu kecuali sekiranya dikehendaki oleh undang-undang dan/atau untuk keperluan polisi-polisi berkaitan MAIWP atau syarikat MAIWP.

3. TUJUAN PENGUMPULAN, PENGGUNAAN, PENDEDAHAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

3.1 Tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terpakai secara umum, MAIWP mungkin mengumpul, mengguna dan mendedah Data Peribadi pelanggan bergantung kepada sifat interaksi pelanggan dengan MAIWP iaitu:

- a) untuk berkomunikasi dengan pelanggan;
- b) untuk menilai, memproses dan menyediakan produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan kepada pelanggan, termasuk melaksanakan obligasi dalam atau berkaitan dengan peruntukan barang dan perkhidmatan MAIWP yang diminta oleh pelanggan;
- c) untuk mentadbir dan memproses pembayaran yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diminta oleh pelanggan atau transaksi komersial pelanggan dengan MAIWP;
- d) untuk membuktikan dan/atau menubuhkan identiti dan latar belakang pelanggan;
- e) untuk membalas pertanyaan, maklum balas, permintaan atau aduan pelanggan dan/atau menyelesaikan masalah dan pertikaian yang mungkin timbul sehubungan dengan urusan dengan MAIWP;
- f) untuk memudahkan penyertaan pelanggan dan pentadbiran

MAIWP di dalam mana-mana acara termasuk bengkel, promosi, peraduan atau kempen;

- g) untuk mengekalkan dan mengemas kini penyimpanan rekod dalaman;
- h) untuk tujuan pentadbiran dalaman, atau mengurus dan merancang operasi pentadbiran dan perniagaan serta mematuhi polisi dan prosedur dalaman;
- i) untuk berkongsi mana-mana Data Peribadi pelanggan menurut perjanjian atau dokumen yang telah pelanggan buat dengan MAIWP untuk tujuan mendapatkan nasihat undang-undang dan/atau kewangan dan/atau untuk tujuan memulakan tindakan undang-undang;
- j) untuk mengesan, menyiasat dan mencegah aktiviti secara penipuan (*fraud*), larangan (termasuk larangan syarie) dan menganalisis dan mengurus risiko komersial, termasuk yang berkaitan dengan pertikaian, penagihan dadah, penipuan, kesalahan, pendakwaan dan lain-lain;
- k) membolehkan MAIWP untuk melaksanakan kewajibannya dan menguatkuasakan haknya di bawah mana-mana perjanjian atau dokumen di mana MAIWP adalah pihak yang terlibat;
- l) untuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan dan obligasi MAIWP di bawah mana-mana perjanjian yang dibuat dengan MAIWP;
- m) untuk memenuhi segala kehendak undang-undang atau peraturan yang terpakai dan membuat pendedahan di bawah kehendak mana-mana undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeling atau kanun yang terpakai oleh MAIWP;
- n) untuk menguatkuasakan atau mempertahankan hak MAIWP dan hak pelanggan di bawah, dan untuk mematuhi, obligasi MAIWP di

bawah undang-undang, perundangan dan peraturan yang terpakai;

- o) untuk meneruskan operasi, mengekalkan dan mengurus perniagaan MAIWP dengan lebih baik dan hubungan pelanggan dengan MAIWP;
- p) memudahkan transaksi aset perniagaan (yang boleh merangkumi percantuman, pengambil alihan atau penjualan aset);
- q) membuat padanan mana-mana Data Peribadi yang dipegang yang berkaitan dengan pelanggan untuk mana-mana tujuan yang disenaraikan dalam klausa 3;
- r) menguruskan keselamatan premis dan perkhidmatan MAIWP (termasuk tetapi tidak terhad kepada melakukan pengawasan CCTV dan melakukan pelepasan keselamatan);
- s) memantau atau merakam panggilan telefon dan interaksi menghadapi pelanggan untuk jaminan kualiti, latihan pekerja dan penilaian prestasi dan tujuan pengesahan identiti; dan/atau
- t) melaksanakan keperluan untuk membuat tuntutan, tindakan atau prosiding dan/atau melindungi dan menguatkuasakan hak dan obligasi kontrak dan undang-undang MAIWP.

3.2 MAIWP akan mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi pelanggan bergantung kepada sifat hubungan MAIWP dengan pelanggannya seperti berikut:

- a) Sekiranya pelanggan mempunyai akaun dengan MAIWP, MAIWP akan:
 - i. memproses akaun pelanggan dan mengekalkan akaun pelanggan dengan MAIWP;
 - ii. mentadbir dan memproses permintaan pelanggan termasuk membuat dan mengekalkan profil pengguna MAIWP dalam sistem;

- iii. memasukkan data dalam pangkalan data MAIWP untuk tujuan pentadbiran (termasuk tetapi tidak terhad kepada menjejaki penggunaan platform oleh pelanggan); dan/atau
 - iv. menjalankan pemungutan semula hutang (*'debt recovery'*) dan pengurusan hutang.
- b) Sekiranya pelanggan adalah pekerja, pegawai atau pemilik vendor, kontraktor atau pembekal khidmat luaran lain (*'other external service provider'*), atau bakal vendor, calon kontraktor, atau calon pembekal khidmat luaran lain MAIWP, maka MAIWP akan:
- i. melakukan pemeriksaan ketekunan wajar (*'due diligence'*) yang sesuai;
 - ii. menilai kesesuaian organisasi pelanggan sebagai vendor, kontraktor, dan pembekal khidmat luaran MAIWP dan untuk melakukan pemeriksaan latar belakang ke atas pelanggan;
 - iii. membuat dan mengekalkan profil vendor, kontraktor, dan pembekal khidmat luaran MAIWP dalam sistem pangkalan data MAIWP;
 - iv. memproses dan memudahkan tindakan dan proses yang diperlukan untuk tujuan kerja atau penglibatan vendor, kontraktor, dan pembekal khidmat luaran tersebut;
 - v. bertindak balas semasa keadaan darurat;
 - vi. menyediakan fasiliti (termasuk pengeluaran pas akses pelawat dan memudahkan pelepasan keselamatan atau lain-lain kemudahan bagi melicinkan penyampaian perkhidmatan kepada MAIWP); dan/atau
 - vii. memudahkan komunikasi dengan kakitangan yang bertanggungjawab setelah pemberian kontrak di hartanah

MAIWP semasa berlaku masalah kecemasan dan/atau keselamatan.

3.3 MAIWP akan mengumpul, mengguna, mendedah dan memproses Data Peribadi pelanggan bagi "Tujuan Tambahan" berikut:

- a) mengambil atau membuat gambar dan video untuk tujuan publisiti atau pemasaran korporat, dan memaparkan gambar dan/atau testimoni pelanggan dalam artikel dan bahan publisiti MAIWP dan/atau di laman web MAIWP;
- b) menyediakan atau memasarkan perkhidmatan dan faedah kepada pelanggan, termasuk promosi, peningkatan perkhidmatan ('*service upgrades*'), kesetiaan ('*loyalty*'), ganjaran dan/atau program keahlian (termasuk jemputan acara, buletin dan maklumat pemasaran dan promosi kepada pelanggan berdasarkan program keahlian tersebut);
- c) mengatur *roadshows*, lawatan, kempen dan promosi atau acara dan menguruskan pertandingan dan persaingan;
- d) menyelaraskan Data Peribadi dengan data lain yang dikumpulkan untuk tujuan lain dan dari sumber lain (termasuk pihak ketiga) sehubungan dengan peruntukan atau penawaran perkhidmatan;
- e) menghantar butiran mengenai perkhidmatan, kemas kini dan ganjaran perkhidmatan kepada pelanggan, sama ada kepada pelanggan MAIWP secara amnya, atau yang dikenal pasti MAIWP mungkin menarik bagi pelanggan;
- f) mengumpul dan menganalisis profil dan data pelanggan untuk menentukan corak dan trend, memahami dan menganalisis tingkah laku pelanggan, lokasi, pilihan dan demografi untuk MAIWP menawarkan produk dan perkhidmatan lain kepada pelanggan serta tawaran khas dan program pemasaran yang mungkin berkaitan dengan pilihan dan profil pelanggan;
- g) untuk memberi pelanggan maklumat dan/atau kemas kini

mengenai produk MAIWP, perkhidmatan MAIWP, promosi akan datang yang ditawarkan oleh MAIWP dan/atau acara dan acara pelancaran produk yang dianjurkan oleh MAIWP dan pihak ketiga yang terpilih yang mungkin menarik bagi pelanggan dari semasa ke semasa;

- h) untuk tujuan pemasaran langsung (*'direct marketing purposes'*) melalui panggilan telefon dan/atau saluran komunikasi lain yang sesuai kepada pelanggan mengenai perkhidmatan dan produk MAIWP, sesuai dengan persetujuan pelanggan; dan/atau
- i) untuk berkongsi mana-mana Data Peribadi pelanggan dengan rakan niaga MAIWP untuk bersama-sama mengembangkan produk dan/atau perkhidmatan atau melancarkan kempen pemasaran.

3.4 Pelanggan mempunyai hak mengenai pengumpulan, penggunaan atau pendedahan maklumat peribadi pelanggan dari MAIWP. Sekiranya pelanggan memilih untuk tidak memberikan MAIWP Data Peribadi seperti yang dijelaskan dalam pemberitahuan ini, MAIWP mungkin tidak dapat melaksanakan obligasi MAIWP seperti yang dinyatakan dalam **klausu 3**. Tertakluk kepada pengecualian yang diberikan di bawah APDP, pelanggan memiliki hak untuk menolak pemprosesan Data Peribadi pelanggan dan menarik balik persetujuan pelanggan dalam cara yang dijelaskan dalam **Klausu 6** dan **11**.

3.5 Sekiranya pelanggan telah memberi nombor telefon kepada MAIWP dan telah menyatakan persetujuan untuk menerima maklumat pemasaran atau promosi, MAIWP akan menghubungi pelanggan untuk memaklumkan produk dan perkhidmatan MAIWP dari masa kesemasa menggunakan nombor telefon (termasuk melalui panggilan suara, teks, faks atau cara lain).

3.6 MAIWP mungkin juga telah memberitahu pelanggan secara khusus mengenai tujuan lain yang MAIWP kumpulkan, gunakan atau dedahkan Data Peribadi pelanggan. Sekiranya demikian, MAIWP akan mengumpul, mengguna dan mendedah Data Peribadi pelanggan untuk

tujuan tambahan ini juga, kecuali MAIWP telah memberitahu pelanggan sebaliknya.

- 3.7 MAIWP akan melindungi Data Peribadi yang dimiliki atau di bawah kawalannya mengikut peraturan keselamatan yang munasabah untuk mencegah akses, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyalinan, pengubah suaian, pelupusan atau risiko yang serupa tanpa izin.

4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

- 4.1 Tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terpakai, Data Peribadi pelanggan mungkin didedahkan untuk tujuan yang tertera di bawah (di mana terpakai) kepada entiti atau pihak berikut sama ada mereka berada di luar negara atau di Malaysia oleh:
- a) penyedia perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau organisasi lain yang telah digunakan oleh pihak MAIWP untuk melaksanakan mana-mana fungsi berkenaan tujuan yang dinyatakan di atas;
 - b) mana-mana rakan niaga, pelabur, pemegang serah hak ('*assignee*') atau penerima pindahan (yang sebenar atau prospektif) untuk memudahkan transaksi aset perniagaan (yang boleh merangkumi percantuman ('*merger*'), pengambil alihan ('*acquisition*') dan hutang atau penjualan aset);
 - c) pengawal atur kerajaan ('*government regulators*'), kementerian, Lembaga Berkanun, kedutaan atau pihak berkuasa dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan, sama ada tempatan atau luar negara, untuk mematuhi setiap arahan, undang-undang, peraturan, panduan atau skema yang dikeluarkan atau ditadbir oleh salah satu dari mereka; dan/atau
 - d) mana-mana pihak lain yang pelanggan beri kebenaran kepada MAIWP untuk mendedahkan Data Peribadi pelanggan.

5. PERMINTAAN AKSES DAN/ATAU PEMBETULAN DATA PERIBADI

- 5.1 Pelanggan mempunyai hak di bawah APDP untuk membuat perkara seperti berikut:
- a) permintaan akses untuk mengakses dan/atau pembetulan Data Peribadi yang MAIWP simpan mengenai pelanggan atau maklumat mengenai cara MAIWP menggunakan atau mendedahkan Data Peribadi pelanggan; atau
 - b) permintaan akses yang betul atau yang terkini Data Peribadi pelanggan.
- 5.2 Permohonan dari MAIWP adalah dengan mengemukakan permintaan pelanggan secara bertulis atau melalui emel kepada Pegawai Perlindungan Data MAIWP ("PPD").
- 5.3 Tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Perlindungan Data, MAIWP akan berusaha untuk menjawab permintaan akses dan/atau pembetulan pelanggan dalam tempoh 14 hari setelah menerima permintaan tersebut. Sekiranya MAIWP tidak dapat menjawab akses dan/atau pembetulan pelanggan dalam tempoh masa tersebut setelah menerima permintaan, MAIWP akan memberitahu pelanggan secara bertulis dalam masa 5 hari bagi dari waktu di mana MAIWP akan dapat menjawab permintaan tersebut. MAIWP berhak menolak permintaan yang membahayakan keselamatan dan privasi maklumat peribadi atau Data Peribadi orang lain serta permintaan yang tidak munasabah.
- 5.4 Bergantung kepada skop dan sifat pekerjaan yang diperlukan untuk memproses permintaan akses dan/atau pembetulan pelanggan, pelanggan mungkin diminta untuk mengenakan bayaran bagi kos pentadbiran MAIWP. Ini akan dinilai berdasarkan kes demi kes oleh PPD MAIWP. Sekiranya bayaran tersebut dikenakan, MAIWP akan memberitahu pelanggan terlebih dahulu mengenai bayaran tersebut sebelum memproses permintaan pelanggan. MAIWP hanya akan memproses permintaan pelanggan setelah pelanggan menyetujui pembayaran jumlah tersebut. Dalam kes tertentu, MAIWP juga mungkin

memerlukan deposit dari pelanggan sebelum MAIWP memproses permintaan akses. Pelanggan akan dimaklumkan sekiranya deposit diperlukan.

6. PERMINTAAN UNTUK PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN

- 6.1 Di bawah APDP pelanggan berhak menarik balik persetujuannya untuk pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan/atau pemprosesan Data Peribadi pelanggan yang MAIWP miliki atau di bawah kawalan MAIWP samada untuk semua tujuan atau semua tujuan yang disenaraikan di atas dengan mengemukakan permintaan pelanggan secara bertulis atau melalui emel kepada PPD MAIWP di maklumat hubungan yang disediakan di bawah.
- 6.2 Setelah menerima permintaan bertulis pelanggan untuk menarik balik persetujuan pelanggan, MAIWP mungkin memerlukan masa yang munasabah (bergantung kepada kerumitan permintaan dan kesannya terhadap perhubungan MAIWP dengan pelanggan) agar permintaan pelanggan dapat diproses dan untuk MAIWP memberitahu pelanggan mengenai akibat MAIWP menyetujui perkara yang sama, termasuk akibat undang-undang yang mungkin mempengaruhi hak dan liabiliti pelanggan kepada MAIWP. Oleh itu, pelanggan mungkin masih menerima komunikasi dalam jangka masa ini.
- 6.3 Sekiranya pelanggan menarik balik persetujuan pelanggan untuk mana-mana atau semua pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan/atau pemprosesan Data Peribadi pelanggan, bergantung kepada jenis permintaan pelanggan, MAIWP mungkin tidak dapat meneruskan pemberian produk dan perkhidmatannya kepada pelanggan, atau menguruskan hubungan kontrak yang sedia ada, yang juga mungkin mengakibatkan penamatan perjanjian dengan MAIWP, dan pelanggan melanggar obligasi kontrak atau aku janji pelanggan.
- 6.4 Penarikan balik persetujuan tidak mempengaruhi hak MAIWP untuk terus mengumpul, mengguna dan mendedah Data Peribadi di mana pengumpulan, penggunaan dan pendedahan tersebut yang tanpa izin dibenarkan atau diperlukan berdasarkan undang-undang yang terpakai.

- 6.5 Sekiranya emel atau surat yang dikemukakan oleh pelanggan adalah berunsurkan aduan berkaitan ADPA (PDPA) dan aduan boleh membantu MAIWP dalam sistem penyampaiannya, MAIWP akan dengan segera mengambil tindakan untuk menangani masalah yang diadakan tersebut dan mengklasifikasikan aduan tersebut sebagai “Aduan PDPA”.

7. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN DATA PERIBADI

- 7.1 MAIWP secara amnya bergantung kepada pelanggan untuk memastikan bahawa setiap Data Peribadi yang diberikan oleh pelanggan (atau wakil pelanggan yang sah) adalah tepat dan lengkap dalam semua aspek. Untuk memastikan bahawa Data Peribadi pelanggan adalah yang terkini, lengkap dan tepat, pelanggan adalah digalakkan untuk mengemaskini Data Peribadi secepat mungkin kepada MAIWP sekiranya terdapat perubahan secara bertulis atau melalui e-mel pada maklumat hubungan yang disediakan di bawah. MAIWP boleh menganggap Data Peribadi sedia ada pelanggan adalah tepat dan lengkap sekiranya MAIWP tidak menerima sebarang maklumat yang ingin dikemas kini dari pelanggan.
- 7.2 MAIWP mungkin menyimpan Data Peribadi pelanggan sehingga Data Peribadi itu diperlukan bagi tujuan undang-undang, perniagaan, atau sebagaimana yang dikehendaki atau diizinkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa.

8. PEMINDAHAN DATA PERIBADI DI LUAR MALAYSIA

- 8.1 Data Peribadi pelanggan mungkin disimpan di jaringan luaran (*‘external servers’*) yang berada di luar negara. Dalam tempoh menjadi pelanggan MAIWP, MAIWP mungkin diminta dari semasa ke semasa untuk memindahkan Data Peribadi pelanggan di antara syarikat dan/atau organisasi yang berkaitan dan dengan anggota sekutu (*‘affiliates’*), dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*‘third party service providers’*), sebahagiannya mungkin terletak di negara-negara di luar Malaysia. Sebagai contoh, Data Peribadi pelanggan yang tersimpan dalam Perisian (*‘Software’*) boleh dipindahkan ke luar negara untuk fungsi

sokongan.

- 8.2 Pemindahan Data Peribadi akan tertakluk dengan keperluan yang ditentukan di bawah APDP atau undang-undang perlindungan data yang terpakai untuk memastikan organisasi tersebut memberikan standard perlindungan terhadap Data Peribadi.

9. PENGGUNAAN *COOKIES*, SUAR WEB (*'WEB BEACONS'*), DAN TEKNOLOGI LAIN

- 9.1 Semasa pelanggan mengunjungi atau berinteraksi dengan platform MAIWP, MAIWP atau penyedia perkhidmatan MAIWP yang diluluskan (*'authorised service providers'*) boleh menggunakan *cookies*, suar web (*'web beacons'*), dan teknologi lain yang serupa untuk mengumpulkan dan menyimpan maklumat untuk membantu memberi pelanggan pengalaman web yang lebih baik, cepat, dan lebih selamat.
- 9.2 Maklumat yang dikumpulkan oleh MAIWP atau penyedia perkhidmatan yang diluluskan MAIWP mungkin mengenali pelawat sebagai pengguna yang unik dan mungkin mengumpulkan maklumat seperti bagaimana pelawat mengunjungi platform MAIWP, jenis browser yang dilayari pelawat, sistem operasi apa yang digunakan pelawat, alamat IP pelawat dan maklumat aliran klik pelawat (*'visitor's click stream information'*) dan cap waktu (*'time stamp'*) (contohnya, halaman mana yang telah mereka lihat, masa halaman diakses dan masa yang dihabiskan untuk setiap laman web).
- 9.3 Penggunaan *cookies*, suar web (*web beacons*) dan teknologi serupa di platform MAIWP mungkin mempunyai fungsi yang berbeza. Perkara tersebut diperlukan untuk fungsi perkhidmatan bagi membantu meningkatkan prestasi atau berfungsi untuk memberi pelanggan fungsi tambahan. Ia juga mungkin digunakan untuk menyampaikan kandungan yang lebih relevan dengan pelanggan dan minat pelanggan atau untuk mensasarkan iklan kepada pelanggan di dalam atau di luar platform MAIWP.
- 9.4 Platform dan ciri perkhidmatan laman web tertentu hanya tersedia

melalui penggunaan teknologi ini. Pelanggan adalah bebas untuk menyekat (*block*), memadam (*delete*), atau mematikan (*disable*) teknologi ini jika *browser* pelanggan mengizinkan.

- 9.5 Walau bagaimanapun, jika pelanggan menolak *cookies* atau teknologi serupa yang lain, pelanggan mungkin tidak dapat memanfaatkan platform dan ciri laman web atau alat perkhidmatan tertentu. Pelanggan boleh membuat semakan *setting browser* untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai bagaimana pelanggan dapat menyekat (*block*), memadam (*delete*), atau mematikan (*disable*) teknologi ini.

10. LAMAN PIHAK KETIGA

Platform MAIWP mungkin mengandungi pautan (*links*) ke laman web lain yang dikendalikan oleh pihak ketiga. MAIWP tidak bertanggungjawab ke atas amalan perlindungan data di laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang dihubungkan ke platform MAIWP. MAIWP mendorong pelanggan untuk belajar mengenai amalan perlindungan data di laman web pihak ketiga tersebut.

Sebilangan laman web pihak ketiga ini mungkin dijenamakan bersama logo atau cap dagangan MAIWP walaupun ia tidak dikendalikan atau dikekalkan oleh MAIWP. Sebaik sahaja pelanggan keluar dari platform MAIWP, pelanggan harus memeriksa polisi privasi yang terpakai di laman web pihak ketiga untuk menentukan bagaimana mereka akan menangani sebarang maklumat yang mereka kumpulkan dari pelanggan.

11. ADUAN AKTA

- 11.1 Pelanggan boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data yang dilantik sekiranya berhadapan isu/masalah seperti berikut:
- a) mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas yang berkaitan dengan Data Peribadi pelanggan atau mengenai polisi ini;
 - b) ingin menarik balik persetujuan pelanggan untuk mana-mana penggunaan Data Peribadi pelanggan seperti yang dinyatakan dalam polisi ini; dan

- c) ingin mendapatkan akses dan membuat pembetulan bagi rekod Data Peribadi pelanggan.

11.2 Pegawai Perlindungan Data boleh dihubungi melalui nombor telefon dan alamat emel seperti berikut:

Alamat Pejabat : Menara MAIWP,
No. 55, Lorong Haji Hussein 2,
50300 Kuala Lumpur
No. telefon : 03-2639 9000 (u.p : Ketua Unit Integriti)
Alamat emel : promaiwp@maiwp.gov.my

12. KEMAS KINI KE ATAS POLISI INI

MAIWP dari semasa ke semasa boleh meminda terma-terma polisi ini mengikut budi bicara mutlak MAIWP untuk memastikan bahawa polisi ini selaras dengan perkembangan semasa, *trend* industri dan/atau mana-mana perubahan dalam keperluan undang-undang atau peraturan. Tertakluk kepada hak-hak pelanggan berdasarkan undang-undang, pelanggan bersetuju untuk terikat (*'bound'*) dengan terma-terma lazim (*'prevailing terms'*) dari polisi ini seperti yang dikemas kini dari semasa ke semasa di platform MAIWP di <https://www.maiwp.gov.my> . Pelanggan digalakkan untuk melawati laman web di atas dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa pelanggan mengetahui polisi terkini MAIWP berkaitan dengan perlindungan Data Peribadi.

13. UNDANG-UNDANG BERKUATKUASA ('GOVERNING LAW')

Polisi ini akan ditadbirkan (*governed*) dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia.

14. PEMATUHAN KEPADA AKTA DAN POLISI

- 14.1 Pematuhan kepada akta dan polisi ini adalah tanggungjawab warga MAIWP.
- 14.2 Sebarang pelanggaran polisi ini oleh mana-mana individu boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil terhadapnya.
- 14.3 Sebarang kegagalan mematuhi peruntukan akta ini boleh

mengakibatkan pendakwaan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Apa-apa pelanggaran akta ini oleh MAIWP boleh mengakibatkan denda yang berat dikenakan ke atas MAIWP.

15. PEMAKAIAN POLISI

- a) Polisi ini terpakai kepada semua MAIWP.
- b) Polisi ini boleh dijadikan rujukan oleh syarikat-syarikat MAIWP yang berhasrat untuk mewujudkan polisi syarikat atau menggunakan polisi ini sebagai polisi syarikat; dan
- c) Polisi ini boleh dijadikan panduan oleh rakan niaga/ pemegang taruh atau mana-mana individu/organisasi ketika berurusan dengan MAIWP/ fasiliti MAIWP.

LAMPIRAN 1



Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Menara MAIWP, No.55 Lorong Haji Hussein 2,
50300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon : 603 –2639 9000 Faks : 603 – 2639 9900 <http://www.maiwp.gov.my>

Borang Perlindungan Data Peribadi Untuk Pelanggan

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan: _____

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, bagi tujuan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi pelanggan, persetujuan jelas perlu diperolehi dari pelanggan sebelum sesuatu perkhidmatan dilaksanakan. Bagi tujuan memproses permohonan ini, data peribadi pelanggan mungkin perlu didedahkan kepada beberapa pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Maklumat lanjut berkaitan Notis Perlindungan Data Peribadi MAIWP boleh diperolehi melalui portal rasmi MAIWP di <http://www.maiwp.gov.my>.

Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisytiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi MAIWP dan saya menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada MAIWP.

- Untuk meminta, memperolehi, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan oleh MAIWP; dan
- Untuk membenarkan MAIWP menzahirkan data peribadi saya kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi MAIWP apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalam nya.

Saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya telah berikan adalah benar, terkini dan tepat. Saya juga faham bahawa saya boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada data peribadi saya untuk tujuan mengemas kini atau membetulkan data tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MAIWP dengan serta merta.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____